

# Hukuman berat ke atas perogol kanak-kanak masih dikaji — TPM

UM 19 DEC 2002

PUTRAJAYA 18 Dis. — Kerajaan masih mengkaji hukuman berat yang setimpal untuk dikenakan ke atas perogol kanak-kanak bagi menggantikan cadangan hukuman mati yang mendapat bantahan banyak pihak.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, banyak maklum balas mengatakan hukuman mati yang dicadangkan itu terlalu berat dan akan menimbulkan masalah bagi mendapatkan kerjasama daripada saksi dan mangsa jika dikuatkuasakan.

“Mungkin kita tidak dapat kerjasama dan maklumat yang dikehendaki (daripada mangsa) terutama apabila pesalah itu ahli keluarga dan menjadi punca rezeki.

“Ini adalah antara alasan kenapa hukuman mati tidak wajar dilaksanakan, jadi kita sedang fikirkan hukuman lain,” katanya.

Bagaimanapun, tegas Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri, pihaknya akan memastikan hukuman berat yang setimpal dengan perbuatan terkutuk itu dikenakan kerana kes itu adalah serius dan tidak boleh dipandang ringan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas jamuan Hari Raya Aidilfitri Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini hari ini.

Majlis itu turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, jemaah menteri, timbalan-timbalan menteri dan setiausaha-parlimen kementerian, pegawai tinggi kerajaan serta diplomat asing.

Abdullah ditanya mengenai perkembangan cadangan kerajaan melaksanakan hukuman mati ke atas pesalah sumbang mahram dan rogol

melibatkan mangsa di bawah umur 16 tahun.

Beliau berkata, cadangan mengenakan hukuman mati itu masih belum diputuskan lagi.

“Ini adalah hal undang-undang dan (Datuk Seri) Rais Yatim masih bercuti, dia yang akan bawa perkara ini ke Kabinet.

“Jadi ada masa untuk kita berfikir dan memberi pandangan mengenai cadangan ini walaupun pada umumnya kita telah menerima banyak nasihat dan pandangan daripada rakyat,” katanya.

Tambah Abdullah, aspek-aspek yang berkaitan perlu diperhalusi sebelum mengambil keputusan menentukan hukuman termasuk kalau cadangan hukuman mati itu hendak dikuatkuasakan.

Baru-baru ini, pelbagai pihak termasuk Majlis Peguam, Pergerakan Pemuda UMNO dan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil membantah cadangan hukuman tersebut.

Mereka memberi alasan bahawa mangsa rogol akan dibunuh oleh penjenayah terbabit bagi menghapuskan saksi.

Cadangan hukuman mati terhadap penjenayah rogol kanak-kanak itu adalah antara syor yang dibangkitkan dalam kertas khas yang akan dibentangkan oleh Rais kepada Kabinet tidak lama lagi.

Ia dicituskan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan politik ekoran kemarahan memuncak setelah seorang kanak-kanak, Siti Nurlina Shamimi, dua tahun ditemui mati selepas dirogol dan dicampak ke dalam sungai di Alor Star, Kedah, pada 1 November lalu.